

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
PTL: Q/25/2017

Di dalam perkara Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965

ANTARA

... PEMEGANG GADAIAN

AMBANK (M) BERHAD (8515-D)

DAN

AHMAD TAJUDDIN BIN SHAHABUDIN
(NO. K/P: 441222-02-5013/ 2230248)

... PENGGADAI

Menurut Perintah Pentadbir Tanah Langkawi Kedah yang diperbuat pada 20.12.2017 adalah dengan ini di isytiharkan bahawa Tuan Pentadbir Tanah Langkawi Kedah dengan dibantu oleh Pelelong Awam Berlesen yang tersebut dibawah akan menjual hartanah secara

LELONGAN AWAM PADA HARI RABU 21 MAC 2018 JAM 11.00 PAGI

DI PERKARANGAN PEJABAT TANAH LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelong.

PERIHAL		
Butir-butir Hakmilik	: GM 314	Lot No. : Lot 2473
Bandar/Daerah/Negeri	: Ulu Melaka/Langkawi/Kedah	Pegangan Hakmilik : Selama-lamanya
Cukai Tahunan	: RM10.00 setahun	Kawasan Rizab : PENGISYTIHARAN REZAB MELAYU
Keluasan Tanah	: 0.5734 Hektar	

Sekatan Kepentingan : SYARAT SEKATAN KEPENTINGAN
Ditegah membuat sebarang periklanan kecuali gadaian di dalam tempoh 10 tahun dikira dari tarikh daftar surat hakmilik melainkan dengan kebenaran Menteri Besar, Kedah.

Pemilik Berdaftar : Ahmad Tajuddin bin Shahabudin – Semua bahagian
(No. K/P: 441222-02-5013/2230248)

Kategori Kegunaan Tanah : Pertanian

- Syarat Nyata**
- Syarat Khas
 - i) Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah ditanam dengan padi tidak kurang satu kali setahun.
 - ii) Sebarang pokok berjenis kekal tidak dibenarkan ditanam atau dibiarkan tumbuh di atas tanah ini.
 - iii) (a) Tidak lebih daripada 1/10 bahagian daripada tanah ini boleh digunakan bangunan-bangunan yang dibenarkan oleh seksyen 115 (4) Kanun Tanah Negara.
(b) Tanah ini tidak boleh digunakan untuk mendirikan bangunan kekal.

Bebanan : Digadaiakan kepada MBF Finance Berhad (8515-D) yang kini dikenali sebagai Ambank (M) Berhad (8515-D) sebanyak dua kali:-

- i) No. Perseharan 562/1997, Jil. 68, Fol. 16, didaftarkan pada 3 Mei 1997; dan
- ii) No. Perseharan 868/2000, didaftarkan pada 13 September 2000.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

Hartanah berkenaan terletak di dalam kawasan yang dikenali sebagai Padang Tama, Mukim Ulu Melaka, Langkawi; di sebelah Utara jalan utama Ulu Melaka/Padang Lalang. Laluan masuk ke Hartanah berkenaan dari jalan Ulu Melaka adalah menggunakan jalan berturap yang dikenali sebagai jalan Padang Saga pada jarak kira-kira 500 meter ke arah barat dan dari situ ke arah barat melalui jalan mini tar pada jarak kira-kira 670 meter. Selepas itu, melalui jalan mini tar yang selari dengan tali air pada jarak lebih kurang 120 meter ke arah selatan dan dari situ belok ke arah barat daya melalui jalan tanah merah/mini tarpada jarak kira-kira 750 meter untuk sampai ke Hartanah tersebut. Selain itu, laluan masuk ke Hartanah berkenaan juga boleh melalui Surau dari Jalan Nyior Chabang pada jarak kira-kira 1.8 kilometer ke arah timur laut. Hartanah berkenaan terletak kira-kira 4 kilometer ke arah barat laut Kampung Ulu Melaka atau kira-kira 12.5 kilometer ke arah barat laut Pusat Bandar Kuah. Hartanah tersebut adalah sebidang tanah pertanian.

HARGA RIZAB: RM 125,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SERATUS DUA PULUH LIMA RIBU SAHAJA)

Tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dilampirkan bersama Perisytiharan Jualan.

CARA BAYARAN: Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeponiskan 10% daripada harga rizab dalam bentuk **Bank draft** atau **Cashier's Order** atas nama **AMBANK (M) BERHAD** sebelum tawaran bermula dan jika berlaku kenaikan harga semasa lelongan awam maka perbezaan harga rizab 10% itu hendaklah di jelaskan pada hari lelongan awam tersebut. Bayaran baki harga jualan hendaklah di bayar oleh Pembeli kepada **Pemegang Gadaian** dalam tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh jualan, tanpa lanjutan masa bagi tempoh masa yang telah dinyatakan di atas.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:

Tetuan YS LIM & NG

Peguamcara/Peguambela,

Unit No. B-3A-13 (Lift No. 13) IOI Boulevard Jalan Kenari 5,

Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-80753926 Fax: 03-80751913

Atau Pelelong Berlesen yang tersebut dibawah:-

Sukalangka Enterprise

(Surayah binti Awang - Jurulelong Awam Berlesen)

No.74, Kampong Gelam, Mukim Kedawang, 07000 Langkawi, Kedah.

Tel/Fax : 04-9553881/019-5400085

Email: surayah1122@gmail.com